

16/09/1998

Pandangan negara kerdil usah diabai

PADA mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Vancouver, Kanada, November tahun lalu, bercakap pada satu sidang akhbar dengan wartawan asing, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan kuasa besar mempunyai pengaruh kuat jika mereka mahu merombak sistem kewangan dunia tanpa kawalan berbanding Malaysia yang walaupun nyaring tetapi bersuara kecil.

Kata Perdana Menteri: "Amerika Syarikat sangat berkuasa. Sekiranya mereka membuat keputusan untuk bertindak, saya yakin banyak keputusan baik dapat dihasilkan terutama jika bertindak mengikut arah yang betul. Jika sebaliknya, pasti kita akan menghadapi masalah." Malangnya mereka seolah-olah memandang enteng dan sengaja lambat bertindak apatah lagi jika syor itu daripada negara membangun.

Sepanjang tahun lalu, sejak bermula kegawatan ekonomi di rantau ini, malah sebelum Apec di Vancouver, hampir di semua mesyuarat pemimpin peringkat antarabangsa termasuk Tabung Mata Wang Antarabangsa-Bank Dunia (IMF), Komanwel, Asean dan Kumpulan-15, Perdana Menteri terus memberi penjelasan kepada dunia. Sistem dan urus niaga kewangan perlu dikawal dengan mewujudkan satu peraturan yang telus. Walaupun pandangan dikritik hebat malah diperkecilkan oleh pengamal industri kewangan dan media Barat, Dr Mahathir tetap dengan pendiriannya. Reformasi ke arah itu perlu dilakukan bagi memastikan negara miskin tidak terus miskin manakala yang mula mengecap kesenangan 'dirompak' kemewahannya.

Malah tegas beliau, penggubalan syarat untuk mengawal urusan perdagangan mata wang juga penting kerana kaedah yang digunakan sekarang tidak telus sehingga membolehkan ia disalah guna untuk manipulasi dan spekulasi. Dr Mahathir turut menyarankan masyarakat antarabangsa supaya kerajaan dibenarkan campur tangan dalam menangani spekulasi mata wang jika terbukti secara berlebihan yang boleh menyebabkan penyusutan nilai wang sesebuah negara.

Selepas hampir dua tahun berlalu, sejak kebelakangan ini ramai sedar kaedah usang itu tidak lagi boleh dipertahankan. Selain pakar kewangan dan ahli ekonomi, IMF juga mula menerima syor Dr Mahathir. Mereka merasakan sudah wujud satu perkembangan yang sangat membimbangkan yang mungkin menjurus kepada keruntuhan pasaran dan sistem kewangan sejagat. Ramai mengubah pendirian dan bersetuju mengkaji idea itu sementara spekulator mata wang antarabangsa terkemuka George Soros juga akhirnya mengalah dan akur sistem yang ada mempunyai kelemahan dan perlu diperbaiki.

Amerika turut menyedari krisis kewangan yang melanda berikutan spekulasi pasaran yang berleluasa boleh mengancam ekonomi dunia dan jika tidak ditangani akan membawa kepada kemelesetan sejagat.

Malah Pengerusi Rizab Persekutuan Amerika Syarikat, Alan Greenspan, beberapa bulan lalu turut akur bahawa sesuatu perlu dilakukan terhadap cara kerja pasaran kewangan dunia untuk menyesuaikan dengan persekitaran baru. Satu usaha intensif perlu dibuat untuk merombak sistem kewangan dunia dan menjadikan IMF dan Bank Dunia lebih bermakna dan dihormati.

Kelmarin, Presiden Bill Clinton yang kini tersepit dengan tuduhan salahlaku seks, juga mengubah pendiriannya untuk tidak lagi mempertahankan kaedah lama itu. Berucap di New York kelmarin, beliau meminta menteri kewangan, serta pemimpin bank pusat negara Kumpulan Tujuh (G7) mengadakan segera satu mesyuarat membincangkan reformasi serius terhadap kewangan dunia.

Sejurus selepas kenyataan Clinton itu, G7 pula mengeluarkan kenyataan dengan memberi amaran terhadap risiko berlakunya kelembapan ekonomi dunia kini semakin meningkat berikutan krisis kewangan Asia.

Langkah bersendirian terpaksa diambil oleh Malaysia untuk memperkenalkan kawalan tukaran asing selepas rayuannya terhadap masyarakat antarabangsa untuk berbuat demikian tidak dihiraukan. Terbukti, berdasarkan pengalaman pasaran bebas yang tidak terhalang dan tidak dikawal itu sudah merosakkan ekonomi negara keseluruhannya dan banyak negara lain di dunia. Kini semua pihak bersikap lebih terbuka terhadap cadangan Dr Mahathir.

Namun, bagi Malaysia ketelusan dalam tata cara aliran modal sejagat saja belum cukup untuk menjamin kegawatan ekonomi tidak berulang pada masa depan.

Sebaliknya Malaysia dan negara membangun lain menuntut komitmen lebih tinggi daripada kuasa besar untuk tidak begitu mudah menolak pandangan negara kerdil.

(END)